



**UiTM JOHOR** **eMYAGROSIS**  
**2020**  
**Vol 2**



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor © 2020

Hakcipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Kelab MyAgrosis, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

e-ISSN: 2716-5299


Terbitan:

Kelab MyAgrosis,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor  
Jalan Universiti, Off KM 12 Jalan Muar  
85000 Segamat JOHOR

Majalah ini diterbitkan secara berkala setiap tahun.

Dicetak di Malaysia.

eISSN 2716-5299





# **SIDANG REDAKSI**

PENAUNG  
PM Dr Zamali bin Tarmudi

PENASIHAT  
Encik Ashaari Bin Sukar I  
Shahira Binti Hj Abdul Jabar II

KETUA EDITOR  
Shahira Binti Hj Abdul Jabar

EDITOR  
Zulaikha Binti Mohd Touriou@ldrus  
Aziah Nur Azyan Binti Azhar  
Nur Nabihah Binti Amizad  
Farah Izzati Binti Sharudin  
Nurul Hidayah Binti Bahrin



# KANDUNGAN

BICARA KATA	iv
UCAPAN PENASIHAT	v
RINGKASAN LATAR BELAKANG MYAGROSIS	1
AKTIVITI SEKITAR KAMPUS UiTM CAWANGAN JOHOR	
Pencarian Exco	2
Lawatan Rasmi ke UiTM Cawangan Terengganu	3
Tanaman Cili Ferigasi	5
KARYA KREATIF	
Sematan Sejarah Dunia: Pandemik Covid19	10

# BICARA KATA

Assalammualaikum & Selamat sejahtera

Segala pujian kepada Allah yang Maha Esa. Saya bersyukur kerana diberikan ruang untuk melakar coretan dalam majalah e-MyAgrosis. Sekalung tahniah dan penghargaan kepada Sidang Redaksi Majalah e-MyAgrosis di bawah naungan Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Johor di atas kejayaan menerbitkan majalah yang memberi liputan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Ia selaras dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan graduan. UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah lama berperanan dalam memberikan pendedahan kepada anak bangsa dalam bidang keusahawanan melalui kursus Asas Keusahawanan dan kursus Prinsip-Prinsip Keusahawanan bagi peringkat Diploma dan Ijazah.

Semoga dengan penerbitan majalah ini dapat menggalakkan semangat semua pihak untuk menyumbang hasil penulisan dan penerbitan dalam bidang keusahawanan, menyemarakkan lagi penglibatan aktiviti keusahawanan yang berlaku di dalam kampus dan menjadi pendorong kepada warga UiTM Johor untuk menyertai pertandingan keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dengan tulus ikhlas saya mendoakan semoga segala usaha yang dilakukan ini diberkati Allah swt. Diharapkan juga kita diberikan kekuatan olehNya untuk melaksanakan tugas serta tanggungjawab dalam meneruskan tradisi dan pengiktirafan yang telah diberikan kepada UiTM sebagai Universiti Keusahawanan dengan penuh ikhlas, iltizam dan penuh komitmen. Amin.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

PM Dr Zamali bin Tarmudi  
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar  
UiTM Cawangan Johor





## **UCAPAN PENASIHAT**

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya diberi kesempatan untuk merakamkan sepatah dua kata dalam penerbitan e-MyAgrosis volume 2. Selawat dan salam juga buat junjungan kita Nabi Muhammad SAW, utusan rahmat sekalian alam. Majalah ini merupakan majalah kedua yang diterbitkan setelah tujuh tahun penubuhan kelab MyAgrosis. Sebagai sebuah kelab berasaskan keusahawanan yang melatih nilai-nilai keusahawanan di kalangan siswazah, kelab MyAgrosis telah mengambil inisiatif menerbitkan e-MyAgrosis yang mana ia merupakan satu platform terbaik untuk mengumpulkan maklumat yang lengkap mengenai aktiviti keusahawanan dan kejayaan yang dicapai sepanjang tahun. Tahun 2020, merupakan tahun yang begitu mencabar apabila seluruh dunia diuji dengan pendemic Covid19. Banyak aktiviti terpaksa ditangguhkan dan ada juga yang terpaksa dibatalkan. Kelab MyAgrosis tidak terkecuali dalam menghadapi ujian ini. Namun, berbekalkan semangat dan usaha setiap ahlinya, aktiviti kelab MyAgrosis masih dijalankan namun terhad. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua. Segala aktiviti tahun 2020 digarapkan di dalam majalah e-MyAgrosis Volume 2. Semoga dengan pelancaran majalah yang kedua ini dapat memberi semangat dan mempertingkatkan lagi aktiviti keusahawanan di kalangan mahasiswa/wi UiTM Cawangan Johor sekaligus memperkenalkan kelab ini di mata masyarakat luar. Didoakan kelab ini agar terus maju jaya.

Sekian, wassalam.

Shahira Binti Hj Abdul Jabar  
Penasihat MyAgrosis

## LATAR BELAKANG



MyAgrosis ditubuhkan pada 18 Januari 2012 dengan kerjasama pihak HEP UiTM cawangan Johor dan FAMA. Objektif utama adalah sebagai pusat untuk melatih nilai-nilai keusahawanan di kalangan siswazah. Sejak penubuhan Kelab MYAGROSIS UiTM Cawangan Johor pelajar-pelajar telah didedahkan dengan aktiviti keusahawanan. Mereka berpeluang untuk menguruskan jualan itu sendiri yang mana operasinya seperti pasar mini. Dalam pada itu, pelajar tersebut berpeluang didedahkan dengan tatacara pengurusan stok, kewangan dan sebagainya. Mereka diberi latihan secara *hands on* seperti bagaimana prosedur untuk berurusan dengan pelanggan, pembekal yang mirip dengan dunia perniagaan sebenar. Selain daripada itu, Kelab MYAGROSIS juga telah memberi ruang dan peluang untuk pelajar terlibat dalam kursus berkaitan keusahawanan serta lawatan keusahawanan ke industri IKS di sekitar Negeri Johor.

# AKTIVITI KAMPUS

## PENCARIAN EXCO BARU

(Shahira Binti Hj Abdul Jabar, Danisyah Shafiqah Binti Ridwan)

Pencarian exco baru merupakan acara wajib setiap tahun. Ini kerana kebanyakan exco merupakan pelajar tahun akhir di UiTM. Memandangkan tahun 2020 berlaku pandemic Covid19, semua pembelajaran ditukar kepada pembelajaran secara atas talian, begitu juga dengan aktiviti- aktiviti pelajar. Program Myagrosis juga tidak terkecuali. Walaupun program ini dijalankan secara maya, namun sambutan yang diberikan amatlah menggalakkan.



# AKTIVITI KAMPUS

## LAWATAN RASMI KE UiTM TERENGGANU

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)

Pada pertengahan september 2020, satu lawatan rasmi UiTMJ ke UiTM cawangan Terengganu bagi meninjau aktiviti pertanian mereka. Lawatan ini disertai oleh Rektor UiTMCJ (Prof Dr Hj Ismail Ahmad), Timbalan Rektor BPJIA UiTMCJ (Prof Madya Dr Saunah Zainon) ketua Masmed Cik Siti Nur Diyana Isahak, penasihat MyAgrosis (En. Ashaari Sukar) dan beberapa lagi staff daripada UiTMCJ. Tujuan utama adalah untuk mendapatkan idea dan nasihat daripada pihak UiTM cawangan Terengganu berkenaan aktiviti agro mereka. Antara kawasan yang dilawati adalah ladang kelulut dan makmal pemprosesan kelulut serta taman cili. Lawatan ini memberikan serba sedikit memberi sumber inspirasi kepada UiTMCJ.



# AKTIVITI KAMPUS

## LAWATAN RASMI KE UiTM TERENGGANU

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)



Lawatan ke ladang cili UiTM cawangan Terengganu

# AKTIVITI KAMPUS

## TANAMAN CILI FERTIGASI

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)

Myagrosis dengan kerjasama FAMA, HEP dan MASMED telah menjalankan tanaman cili fertigasi. Objektif utama adalah untuk memupuk semangat pertanian di kalangan pelajar dan staff UiTM CJ. Projek ini diketuai oleh Pn Shahira Abd Jabar yang bermula Jun 2020 hingga Jan 2021. Seterusnya diambil alih oleh En Ashaari Sukar. Tanaman ini mengambil masa selama 2 bulan 20 hari untuk mendapatkan hasil. Pihak FAMA telah mengeluarkan modal bernilai RM 10,000 untuk menjayakan tanaman ini. Modal yang diberi merupakan barang seperti tangki, mesin masa, paip salur fertigasi, biji benih, baja dan sebagainya. Pihak HEP mengeluarkan bajet sekurang-kurangnya RM5,000 untuk kos pagar dan lain-lain. Tanaman ini ditanam di laman tani MyAgrosis bersebelahan ‘Lecture Theater’, dan laluan pelajar ke kolej-kolej. Ia merupakan tapak yang strategik.



# AKTIVITI KAMPUS

## TANAMAN CILI FERTIGASI

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)



Mesyuarat untuk mendapatkan dana daripada pihak FAMA.



Proses memindahkan anak benih ke polibeg dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTMJ PM Dr Zamali Bin Tarmudi.

# AKTIVITI KAMPUS

## TANAMAN CILI FERTIGASI

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)



Lawatan daripada Rektor UiTMCJ, Timbalan Rektor BPJIA, ketua MASMED dan penasihat MyAgrosis



Lawatan daripada pihak Pertanian Cawangan Segamat

# AKTIVITI KAMPUS

## TANAMAN CILI FERTIGASI

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)



Lawatan santai Timbalan Rektor BPJIA dan Timbalan Retor HEP.



Proses meracun dijalankan oleh En Akmal dan En Basarudin.

# AKTIVITI KAMPUS

## TANAMAN CILI FERTIGASI

(Ashaari Bin Sukar, Shahira Binti Hj Abdul Jabar)



Taman cili hampir waktu menuai.



Cili telah mengeluarkan hasil setelah 2 bulan 20 hari.



# KARYA KREATIF

## SEMATAN SEJARAH DUNIA: PANDEMIK COVID19

(Shahira Binti Hj Abdul Jabar)

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar. Ini adalah kerana ketika ini satu dunia diuji dengan pandemic Covid19, yang menyebabkan kebanyakan aktiviti terbatas dan ada yang terpaksa dibatalkan. Perusahaan, pendidikan, pelancongan dan lain-lain banyak terkesan.

Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai wabak koronavirus iaitu pandemik penyakit koronavirus 2019 yang sedang berlaku secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga 27 Disember 2020, lebih 80.7 juta kes COVID-19 telah dilaporkan di lebih 191 buah negara dan wilayah, mengakibatkan lebih 1.76 juta kematian manakala lebih 57 juta orang telah pulih.

Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Ia dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin walaupun sebelum gejala muncul. Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara dua hingga empat belas hari. Gejala umum termasuk demam, batuk, dan sesak nafas. Komplikasi mungkin termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut.

Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengekalkan jarak dari orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat), dan pemantauan dan pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang mengesyaki mereka dijangkiti. Pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global, penangguhan dan pembatalan acara kebudayaan, keagamaan dan kesukanan, dan ketakutan yang meluas dalam kekurangan bekalan yang telah mendorong pembelian panik.